

BREATHNINE SYRUP

Salbutamol Sulphate (2mg / 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Breathnine
2. Bagaimana Breathnine Berfungsi
3. Sebelum mengambil Breathnine
4. Cara menggunakan Breathnine
5. Semasa menggunakan Breathnine
6. Kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Breathnine

Breathnine digunakan untuk:

- a. Melegakan asma bronkial (keradangan kronik pada saluran pernafasan yang berciri peningkatan aktiviti bronkial atau sekatan pernafasan.)
- b. Bronkitis kronik- kronik pada dalam paru-paru yang menyebabkan saluran pernafasan membengkak serta merengsa ,peningkatkan penghasilan mukus dan menyebabkan kerosakan paru-paru.)
- c. *Emphysema*- (Penyakit saluran pernafasan yang menyebabkan sesak nafas).
- d. *Acute dyspnea*- (Kepayahan untuk bernafas secara tiba-tiba).

Bagaimana Breathnine Berfungsi

Breathnine mengandungi bahan aktif salbutamol. Salbutamol ialah kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil *bronchodilators*. *Bronchodilators* membantu ruang udara di dalam paru-paru untuk kekal terbuka. Ini membolehkan udara masuk dan keluar dengan mudah dan melegakan rasa ketat di dada, berdehit dan batuk.

Sebelum mengambil Breathnine

-Bila tidak boleh mengambil

Dapatkan nasihat doktor dan jangan mengambil Breathnine Syrup jika anda mempunyai:

1. Masalah berkaitan jantung
2. Kencing manis
3. Pembesaran kelenjar prostat
4. Hipertiroidisme (kelenjar tiroid menjadi terlampau aktif)
5. Tekanan darah tinggi

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang masalah perubatan atau jika anda mengandung/menyusukan anak atau merancang untuk hamil/menyusukan anak. Mengambil Breathnine semasa anda hamil boleh memudaratkan bayi anda. Doktor anda akan memutuskan sama ada Breathnine masih sesuai untuk anda.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat doktor/Ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat lain termasuk yang dibeli tanpa preskripsi. Sesetengah ubat mungkin akan bertindak balas jika diambil bersama Breathnine syrup, diantaranya ialah :

- Adrenocorticoids, glucocorticoid, penyedut aerosol melalui mulut yang mengandungi fluorocarbon.)
- Sesetengah ubat bus.
- Diuretics –Ubatan untuk darah tinggi.
- Beta - adrenergic blocking agents (Ubat untuk darah tinggi dan masalah jantung).
- Ubat-ubatan yang merangsang sistem saraf pusat .
- Digitalis glycosides (ubat untuk masalah jantung).
- Epinephrine atau sympathomimetic aerosol bronchodilators yang lain.
- Levodopa-ubatan untuk penyakit Parkinson.
- Monoamine oxidase (MAO) inhibitors, termasuk furazolidone, pargyline dan procarbazine atau Tricyclic antidepressants .

- Nitrates-ubatan yang digunakan untuk penyakit berkaitan jantung.
- Lain-lain oral sympathomimetics .
- Hormon tiroid.
- Xanthines.

Cara menggunakan Breathnine

Dapatkan nasihat doktor/ahli farmasi jika anda ada masalah atau tidak pasti untuk mengambil Breathnine syrup.

-Berapa banyak harus diambil

Dos dewasa: 2-6mg 3-4 kali sehari (permulaan). Dos akan ditambah jika perlu dan mengikut toleransi kepada maksimum 8mg 4 kali sehari untuk merawat saluran pernafasan yang menyempit.

Orang yang tua dan individu yang sensitif kepada perangsang beta-adrenergic (ubat yang mengendurkan otot dan membantu membuka ruang untuk bernafas)

- Dos: 2 mg, tiga atau empat kali sehari pada mulanya, mungkin ditingkatkan jika perlu dan mengikut toleransi sehingga maksimum 8 mg, tiga atau empat kali sehari.

Dos biasa kanak-kanak 2 hingga 6 tahun: 100 mcg (0.1 mg) bagi setiap kg berat badan tiga kali sehari pada mulanya; Dos mungkin ditingkatkan jika perlu dan mengikut toleransi sehingga 200 mcg (0.2 mg) bagi setiap kg berat badan, tidak melebihi 4 mg tiga kali sehari.

Dos biasa kanak-kanak 6 hingga 14 tahun : 2 mg tiga atau empat kali sehari pada mulanya, dos mungkin ditingkatkan jika perlu dan mengikut toleransi sehingga maksimum 24 mg sehari dalam dos dibahagikan.

Dos biasa kanak-kanak 14 tahun dan ke atas: sama seperti dos dewasa. Dos Breathnine Syrup untuk kanak-kanak sehingga 2 tahun belum ditetapkan lagi.

BREATHNINE SYRUP

Salbutamol Sulphate (2mg / 5ml)

-Bila perlu diambil

Pengambilan pada masa yang sama setiap hari membolehkan anda mengingati pengambilan Breathnine.

-Berapa lama perlu diambil

Patuhi nasihat doktor.

-Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal dengan segera apabila teringat. Jika sudah hampir dengan dos seterusnya, langkau dos yang tertinggal dan ambil dos seterusnya secara biasa, jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda atau orang lain mengambil Breathnine syrup secara berlebihan, dapatkan bantuan perubatan dengan segera di hospital berhampiran.

Semasa menggunakan Breathnine

-Perkara yang perlu dilakukan

Ikut nasihat doktor

Ia adalah sangat penting bahawa anda menggunakan ubat ini hanya seperti yang diarahkan. Jangan gunakan lebih daripada doktor anda diarahkan.

Sesak dengan doktor anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan berikut:

Sakit dada, pening yang teruk, sakit kepala yang teruk atau berterusan, loya atau muntah berterusan atau denyutan jantung cepat yang luar biasa atau terasa debaran jantung.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat, tanpa nasihat doctor.

Jangan memberi ubat berkenaan kepada orang lain yang mengalami simptom yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika anda hamil atau sedang menyusui.
- Jika anda golongan tua.
- Jika anda menghadapi kencing manis.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat lain, Breathnine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mendapatnya. Antaranya ialah geletar ringan (biasanya pada tangan), tekanan cemas dan sakit kepala.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Breathnine

-Penyimpanan

Simpan pada suhu kurang daripada 25°C. Jauhkan daripada cahaya dan kelembapan.

JAUHKAN DARIPADA KANAK-KANAK
Simpan di dalam bekas yang tertutup lindungi daripada disejukkbeku

-Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran

Maklumat Lanjut

-Rupa dan Warna Produk

Cecair manis berwarna merah jernih dan rasa *raspberry*.

-Bahan-bahan Kandungan

Bahan aktif : Setiap 5ml mengandungi 2mg Salbutamol Sulphate.

Bahan tidak aktif:

Perisa (Raspberry), Sodium Benzoate, Ponceau 4R Supra, Citric Acid Monohydrate, Sorbitol (70%) Solution, Purified Water, Menthol, Propylene Glycol, Sodium Saccharin

-Nombor MAL: MAL19940726AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

SM Pharmaceuticals Sdn.Bhd(218628-M)
Lot 88, Sungai Petani Industrial Estate
08000, Sungai Petani
Kedah Darul Aman, Malaysia

Tarikh Kemaskini: 31/03/2016

Nombor siri:

BPFK(R4/1)310316/00099